


Raja Melayu pertahan kedudukan Islam dalam Perlembagaan



Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain - Oktober 13, 2024 @ 9:00am
bhrencana@bh.com.my



- Foto NSTP

KEDUDUKAN Islam sebagai agama bagi Persekutuan masih menjadi isu perdebatan kerana dakwaan Perkara 3(1) Perlembagaan dibataskan Perkara 3(4) sekian lama bersarang.

Perkara 3(4) memperuntukkan 'tiada apa-apa jua dalam Perkara ini mengurangkan mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini.'

Terdapat juga pihak hanya membangkitkan sikap berhati-hati Raja Melayu memasukkan frasa Islam sebagai agama bagi Persekutuan pada peringkat awal draf cadangan Perlembagaan tanpa menjelaskan isu menjadi kekhawatiran baginda serta bagaimana ia akhirnya dinuktahkan dalam peruntukan Perlembagaan.

Sikap Raja Melayu terhadap kewajipan memelihara kepercayaan agama orang Islam dinyatakan dalam Butiran 53 Memorandum Raja-Raja Melayu pada 12 September 1956.

Mengenai persoalan pemeliharaan kebebasan beribadat dan perlindungan toleransi agama, memorandum berkenaan menegaskan di bawah pengaturan Perlembagaan, kepercayaan agama orang Islam dirujuk kepada negeri, Raja menjalankan kuasa pentadbiran kepercayaan agama orang Islam di wilayah masing-masing, manakala pemeliharaan kebebasan beribadat dipelihara perlembagaan negeri.

Memorandum itu turut merekodkan walaupun Raja pada dasarnya tidak menentang toleransi agama tertakluk kepada pertimbangan keselamatan awam, baginda mesti menyatakan pandangan sebarang campur tangan terhadap kedudukan kepercayaan agama orang Islam ditetapkan mengikut Perlembagaan, pada masa ini akan penuh dengan bahaya kepada keselamatan dalam Persekutuan dan kejayaan kempen menentang unsur subversif.

Inti pati titah diraja itu ialah hal ehwal kepercayaan agama orang Islam menyentuh kebebasan beribadat dan perlindungan toleransi agama kekal di bawah kuasa negeri.

Dalam laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan termaktub kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dengan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua agama dipersetujui tanpa mengurangkan kedudukan Raja Melayu sebagai ketua agama di negeri dan tanpa menjelaskan pelaksanaan syor menyentuh kepercayaan agama orang Islam perlu dimasukkan dalam Senarai Perundangan Negeri.

Jawatankuasa kerja juga bersetuju Bahagian Hal Ehwal Agama dalam bidang kuasa itu boleh ditubuhkan pada peringkat Persekutuan untuk penyelarasaran tanpa mempunyai kuasa eksekutif demi memelihara kuasa negeri.

Jawatankuasa Kerja dianggotai wakil Raja Melayu dan Kerajaan Persekutuan, Ketua Setiausaha, Peguam Negara dan dipengerusikan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu.

Cadangan akhir jawatankuasa kerja bagi penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tertakluk kepada perkenan Raja Melayu dan kerajaan British.

Bangkangan Suruhanjaya Reid ditolak

Dalam proses menoktahkan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, Raja Melayu turut menyampaikan kekhawatiran melalui penegasan bahawa perkara menyentuh kepercayaan agama orang Islam tidak wajar dicampuri menteri bukan beragama Islam.

Perlu dinyatakan peruntukan Perkara 3(4) tidak dicadangkan Suruhanjaya Reid, malah penggubalan dalam Kertas Putih Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dibantah Lord Reid dan Sir Ivor Jennings dengan alasan ia akan membenarkan diskriminasi hingga meletakkan kedudukan Islam tidak boleh dicabar peruntukan lain, termasuk menyentuh hak kebebasan asasi.

Bangkangan itu ditolak Raja Melayu dengan kerajaan British akur kewajipan berperlembagaan diwarisi Raja Melayu untuk memelihara kedudukan Islam dan kepercayaan agama orang Islam seperti dibahaskan jawatankuasa kerja ketika menimbangkan syor Suruhanjaya Reid.

Tidak semua syor Suruhanjaya Reid diterima, malah banyak pindaan dibuat jawatankuasa kerja berkenaan.

Isu ditimbulkan beberapa pihak mempertikai Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah Persekutuan) 2024, sebahagiannya dilihat lebih menjurus kepada sentimen peribadi kerana terdapat pandangan bercanggah dengan kedudukan sebenar di sisi Perlembagaan.

RUU Mufti digubal selaras keperluan menentukan hukum syarak dalam perkara menyentuh bidang kuasa Wilayah Persekutuan sebagai negeri di dalam Persekutuan.

Perkara 3(5) memperuntukkan, "Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam."

Mufti, jawatankuasa fatwa tak boleh tentukan aliran sendiri

Kedudukan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sebagai majlis menasihati baginda dalam perkara berhubungan Islam tidak boleh dipertikai atas alasan MAIWP tidak dipilih rakyat.

Berhubung tugas diberikan kepada seorang mufti dan jawatankuasa fatwa; kepakaran hukum syarak aspek mandatori tidak boleh ditentukan kecenderungan peribadi mana-mana pihak terhadap apa mereka ingin amalkan.

Dalam penentuan amalan sesuai, adat tempatan perlu diambil kira, termasuk rujukan kepada aliran tertentu untuk tidak menyebabkan jurang perbezaan membuka perpecahan orang Islam. Namun, ia tidak bermakna pintu ijtihad ditutup.

Begini juga halnya kesan undang-undang suatu fatwa dan isu berbangkit seperti fungsi Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama dan Perunding Akidah.

Peruntukan itu boleh diadakan selaras Perkara 3 tanpa menafikan hak mana-mana pihak memberikan pandangan dengan maksud penambahbaikan menjurus amalan patuh syariah.

Hakikatnya, langkah kerajaan mengusulkan RUU Mufti perlu disokong dengan keterbukaan untuk melakukan penambahbaikan perlu.

Penulis adalah Profesor Madya di Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Tamadun (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

SUMBER:

<https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2024/10/1310119/raja-melayu-pertahan-kedudukan-islam-dalam-perlembagaan>